

## Ucapan Aluan

Yang Berbahagia

Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc.

Pengerusi

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

**Majlis Pelancaran Program IMPACT**

**Pusat Konvensyen CIDB**

**17 Januari 2019 (Khamis)**

---

Para tetamu kehormat,

Wakil-wakil media,

Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Ilahi, kerana dengan limpah rahmat, izin dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama meraikan **Majlis Pelancaran Program IMPACT** pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak CIDB, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada hadirin sekalian, terutamanya kepada tetamu kehormat kita **Yang Berhormat Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya Malaysia** kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama kita sekaligus melancarkan majlis pada hari ini.

Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

### **PEMBUKAAN**

3. Pelancaran Program **IMPACT** atau **Penilaian dan Pensijilan Pengeluar/Produk IBS** adalah selaras dengan matlamat teras strategik Produktiviti di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan atau CITP 2016-2020. Sebagaimana kita sedia maklum, CITP merupakan sebahagian penting daripada Rancangan Malaysia yang Ke-11, yang menetapkan sasaran-sasaran strategik untuk membangunkan industri pembinaan Malaysia menjadi sektor pembinaan bertaraf antarabangsa dan mampu bersaing di dalam industri tempatan dan arena antarabangsa.

4. Manfaat penggunaan sistem IBS berbanding kaedah konvensional amat jelas. Mekanisasi dan kaedah-kaedah pembinaan moden sistem IBS akan mewujudkan pendekatan secara holistik yang boleh mengesan dan menangani masalah-masalah di dalam projek dari peringkat reka bentuk sehinggalah ianya telah siap dibina. Industri pembinaan turut dapat menikmati jangka masa pembinaan yang lebih singkat serta pengurangan impak kepada persekitaran semula jadi, sekaligus mewujudkan sektor pembinaan yang *cost-efficient* dan *effective*.

Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

### **SEJARAH PENGGUNAAN IBS DI MALAYSIA**

5. Konsep IBS bukanlah suatu yang baru sebaliknya ia bermula seawal tahun 1624 di mana rumah panel kayu di bawa dari England ke kawasan yang terletak di Utara

Amerika. Revolusi Industri 1700 menggunakan pengaplikasian teknologi dalam industri pembinaan mereka.

6. Merujuk kepada buku 'The Industrialisation of Building', Carlo Testa menyatakan bahawa Istana Kristal yang di bina pada 1851 merupakan titik permulaan bangunan berindustri. Rekabentuk bangunan adalah berasaskan komponen berindustri seperti tingkap kaca, rangka kayu dan keluli.

7. Di Malaysia, sejarah IBS dapat diimbis kembali pada tahun 1966, di mana pada ketika itu kerajaan Malaysia telah melaksanakan dua buah projek menggunakan kaedah IBS iaitu pembinaan rumah pangsa kos rendah di Jalan Pekeliling, Kuala Lumpur dan di Jalan Padang Tembak, Pulau Pinang pada tahun berikutnya.

Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

### **MENGENAI IMPACT**

8. Bagi memacu penerapan sistem IBS, inisiatif **IMPACT** yang akan dilancarkan pada hari ini dilihat sebagai elemen penting dalam ekosistem IBS yang mampu memastikan semua komponen atau produk IBS adalah berkualiti dan mematuhi standard yang ditetapkan.

9. **IMPACT** merupakan satu kaedah penilaian yang sistematik bagi memberi pengiktirafan dan pensijilan untuk komponen IBS di sepanjang rantai nilai, termasuklah ;-

- Pengeluar
- Pengeluar dan kontraktor pemasangan

- Rekabentuk dan pengeluar
- Rekabentuk, pengeluar dan kontraktor pemasangan

10. Dalam pelaksanaan sistem IBS ini, antara isu-isu yang dihadapi adalah pertindihan fungsi dan peranan dalam kalangan penggiat industri. Sebagai contohnya, ada sesetengah pengeluar IBS yang turut berperanan sebagai pemasang IBS.

11. Akibatnya, produk yang dihasilkan mungkin tidak menepati ciri-ciri kualiti yang dijangkakan. Justeru, dengan adanya proses ujian dan audit yang sistematik menerusi **IMPACT**, produk-produk yang dihasilkan dapat dijamin kualiti dan mematuhi standard yang ditetapkan.

12. **IMPACT** juga dapat melindungi penggiat industri tempatan di mana hanya produk yang mempunyai Sijil Pengesahan Produk dari SIRIM atau *Certification Body* yang sah sahaja yang dibenarkan untuk berdaftar di bawah **IMPACT**. Tambahan lagi, kesemua bahan binaan di bawah Jadual 4 Akta 520 yang digunakan dalam penghasilan komponen IBS juga haruslah diperakui oleh CIDB.

Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

### **PELANCARAN IMPACT**

13. **IMPACT** akan dilaksanakan bermula daripada **1 Julai 2019**. Dalam hal ini, para penggiat industri dalam teknologi IBS mempunyai masa hampir 6 bulan untuk mempersiapkan diri bagi mematuhi syarat-syarat di bawah **IMPACT**.

14. Dalam masa yang sama, CIDB akan terus aktif bekerjasama dengan rakan-rakan industri bagi mempromosikan sistem ini melalui *stakeholder engagement* serta *roadshow*. Di samping itu, CIDB juga telah meningkatkan kapasiti dan keupayaan bagi memastikan ekosistem IMPACT akan dapat menyokong program ini tanpa membebankan penggiat-penggiat industri yang terlibat.

15. CIDB juga telah menubuhkan CIDB IBS Sdn Bhd untuk membantu kontraktor kecil dan sederhana dalam penggunaan IBS. CIDB IBS menyediakan khidmat perundingan dan nasihat teknikal di sepanjang rangkaian nilai IBS untuk syarikat yang berminat untuk meraih manfaat IBS tetapi mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang terhad.

16. Antara usaha lain yang terkini ialah Memorandum Persefahaman (MoU) bersama SANY Construction Industry Development (M) Sdn Bhd dengan CIDB IBS untuk kerjasama strategik yang bertujuan meningkatkan penggunaan dan pengetahuan mengenai IBS dengan berkongsi maklumat, kepakaran maklumat dan teknologi berkaitan IBS selain bekerjasama dalam program pembangunan kapasiti. Ini adalah sebahagian daripada usaha CIDB untuk mengukuhkan ekosistem IBS di Malaysia.

17. Selain dari itu, CIDB juga telah memeterai satu memorandum persefahaman bersama Persatuan Kontraktor Perumahan Kelantan (PKPK) bagi menyediakan bimbingan kepada para kontraktor skala kecil untuk menggunakan IBS dalam projek-projek mereka. Memorandum ini menggariskan bimbingan CIDB IBS dari segi

khidmat nasihat teknikal yang meliputi keseluruhan aspek pembinaan IBS. Sukacita saya maklumkan bahawa November lalu, PKPK telah berjaya memperkenalkan projek perumahan IBS pertamanya di bawah bimbingan CIDB IBS.

18. Usaha-usaha ini, bersama inisiatif-inisiatif yang lain, akan terus dilaksanakan untuk terus memperkembangkan industri ini ke arah penggunaan IBS.

Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

### **KESIMPULAN**

19. Pelancaran IMPACT pada hari ini dapat membantu para penggiat industri, mahupun dari sektor swasta atau awam untuk melaksanakan mandat penggunaan IBS dalam menuju ke arah sasaran menjelang tahun 2020.

20. Adalah menjadi harapan pihak Kementerian Kerja Raya dan juga CIDB agar para penggiat industri dapat bersama-sama memainkan peranan dalam memperkasakan industri pembinaan negara dan meningkatkan lagi kadar produktiviti sektor pembinaan negara kita melalui penggunaan IBS. Sesungguhnya, majlis pelancaran IMPACT pada hari ini akan menjadi satu perkara yang signifikan bagi ekosistem IBS di Malaysia kerana ia berpotensi untuk memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam industri pembinaan.

21. Sudah semestinya peningkatan produktiviti yang memberangsangkan, industri pembinaan akan dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara sekaligus membuka peluang untuk mencapai kecekapan yang lebih tinggi. Sasaran

ini hanya akan dapat dicapai melalui kerjasama dan komitmen semua pihak dalam industri pembinaan, seperti yang disebut di dalam slogan CITP, “Bersama Memacu Kecemerlangan Industri Pembinaan.”

Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

## **PENUTUP**

22. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada hari ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya di atas kesudian beliau untuk bersama-sama menyaksikan dan seterusnya melancarkan program IMPACT pada pagi ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan industri yang telah bersama-sama dengan CIDB untuk membangun dan menghasilkan Program IMPACT ini. Tahniah serta syabas diucapkan!

23. Semoga dengan pelancaran inisiatif baharu pada hari ini akan menjadi *platform* yang terbaik kepada para penggiat industri untuk meningkatkan kefahaman berhubung pelaksanaan IBS di samping dapat membakar semangat hadirin sekalian untuk menggunakan sistem IBS dalam projek-projek pembinaan yang dilaksanakan.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

**#####**